

13 APRIL 2018

Sindiket dadah tumpas, syabu RM15,312 dirampas

Ms.54 Jumaat, 13 April 2018 BH

→ **JENAYAH**

Sindiket dadah tumpas, syabu RM15,312 dirampas



Empat lelaki ditahan dalam serbuan berasingan di sekitar Port Dickson

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@nstp.com.my

► Seremban

Polis menumpaskan sindiket pengedaran dadah jenis syabu yang aktif di sekitar Port Dickson, dengan penangkapan empat suspek dalam beberapa serbuan di sekitar daerah ini, kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) negeri, Superintendan Mohd Faisal Yahya berkata, empat lelaki berusia antara 19 hingga 37 tahun terbabit ditahan dalam serbuan berasingan yang dilakukan pada jam 7 pagi hingga 5 petang.

Menurutnya, semua suspek ditahan hasil serbuan yang dilakukan di sebuah rumah, premis perniagaan dan kolam ikan di sekitar Port Dickson serta tepi jalan di Taman Tun Sambanthan, Lukut di sini.

Sita kenderaan

"Hasil penahanan itu, polis merampas dadah disyaki syabu seberat 102.08 gram yang dianggarkan bernilai RM15,312.

Turut disita kenderaan yang digunakan suspek dipercayai untuk aktiviti pengedaran.

"Selain ujian saringan air kencing mendapati semua suspek positif dadah, semakan turut mendapati mereka mempunyai pelbagai rekod kesalahan lampau berkaitan dadah," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohd Faisal berkata, suspek kini reman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39A Akta Dadah Berbahaya 1952.

Sehubungan itu, beliau menyeru masyarakat terus prihatin dan tampil untuk menyalurkan maklumat supaya dapat membantu polis di negeri ini memerangi dadah habis-habisan.

Semakan turut mendapati mereka mempunyai pelbagai rekod kesalahan lampau berkaitan dadah"

Mohd Faisal Yahya,
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Negeri Sembilan